

## CINTA KEPADA TANAH AIR

### Pendahuluan

Cinta manusia kepada tanah air dan negaranya adalah sifat mulia dan fitrah yang betul. Ini diakui oleh syariat Allah swt.

Cinta kepada tanah air bukan hanya dengan ucapan dan lagu bahkan ia adalah dengan menjaga kebaikan masyarakat, menentang kerosakan, ikhlas bekerja, mengukuhkan nilai-nilai kemasyarakatan dan sanggup mengorbankan harta, tenaga dan nyawa demi negara.

### Cinta kepada tanah air pada pandangan agama

Antara kata-kata Rasulullah saw ketika baginda meninggalkan tanah airnya iaitu kota Mekah, hadis riwayat Tirmizi, sabda nabi saw: "Alangkah baiknya engkau dari negeri yang ada, dan engkau adalah negeri yang paling aku cintai, kalau bukan kerana kaumku mengusirku darimu, aku tidak akan tinggal di negeri selainmu"

Terdapat dalam hadis sahih dari Aisyah bahawa Nabi saw membacakan *ruqyah* (jampi kepada orang yang sakit): "Dengan menyebut nama Allah (dan) debu tanah kami serta air liur sebahagian dari kami jadilah penyembuh penyakit kami dengan izin Tuhan kami"

Apabila meninggalkan tanah air akan menimbulkan perasaan kesedihan dan kekecewaan, Allah swt menyertakan cintakan tanah air dengan cintakan nyawa, firman Allah swt: "Dan sesungguhnya kalau Kami wajibkan kepada mereka (dengan perintah): "Bunuhlah diri kamu sendiri atau keluarlah dari tempat kediaman kamu", nescaya mereka tidak akan melakukannya, kecuali sedikit di antara mereka". (Surah an Nisa' : 66)

## حب الوطن

### مقدمة

محبة الإنسان لأرضه وبلده خصلة نبيلة وفطرة سوية، أقرتها الشرائع السماوية. وحب الوطن ليس بالكلام والغناء، بل بالحفاظ على صلاح المجتمع ومنازعة الفساد وإخلاص العمل وترسيخ القيم الاجتماعية وبذل المال والجهد والروح في سبيله.

### (١) حب الوطن من منظور ديني

من كلمات الرسول الكريم ﷺ وهو يودع وطنه مكة المكرمة روى الترميذي قوله ﷺ: "ما أطيبك من بلد وما أحبك إلي! لو لا أن قومي أخرجوني منك، ما سكنت غيرك"

ولقد ثبت في الحديث الصحيح عن السيدة عائشة رضي الله عنها أن النبي ﷺ كان يقول في الرقية: "باسم الله تربة أرضنا وريقة بعضنا يشفي سقيمنا بإذن ربنا".

ولما كان هجر الأوطان يبعث على الهم والأحزان قرن الله سبحانه وتعالى حب الأرض بحب النفس فقال سبحانه: ﴿وَلَوْ أَنَّا كَتَبْنَا عَلَيْهِمْ أَنْ اقْتُلُوا أَنْفُسَكُمْ أَوْ اخْرَجُوا مِنْ دِيَارِكُمْ مَا فَعَلُوهُ إِلَّا قَلِيلٌ مِنْهُمْ﴾ سورة النساء : ٦٦

Bahkan di tempat lain Allah sertakannya bersama dengan agama – sedangkan agama itu lebih bernilai berbanding nyawa dan mendahulukannya bagi orang yang memahami firman Allah swt: “Allah tidak melarang kamu daripada berbuat baik dan berlaku adil kepada orang-orang yang tidak memerangi kamu kerana agama (kamu) dan tidak mengeluarkan kamu dari kampung halaman kamu” (Surah Mumtahanah: 8)

Dijadikan hukuman buang negeri dan diasingkan/dipulaukan sebagai balasan bagi orang menderhaka dan melakukan kerosakan di muka bumi, firman Allah swt: “Hanyasanya balasan orang-orang yang memerangi Allah dan RasulNya serta melakukan bencana kerosakan di muka bumi ialah dengan dibalas bunuh (kalau mereka membunuh sahaja dengan tidak merampas) atau dipalang (kalau mereka membunuh dan merampas), atau dipotong tangan dan kaki mereka berselang (kalau mereka merampas sahaja), atau dibuang negeri (kalau mereka hanya mengganggu ketenteraman umum). Hukuman yang demikian itu adalah suatu kehinaan di dunia bagi mereka dan di akhirat kelak mereka beroleh azab seksa yang amat besar”. (Surah al Maidah : 33)

#### Membunag sikap permusuhan dan fanatik

Cintakan tanah air dalam Islam bukan bermakna bersikap fanatik yang boleh membawa kepada terbahaginya masyarakat kepada kumpulan-kumpulan yang bersikap... benci membenci yang menegeruhkan hubungan. Daripada Jundub bin Abdullah al Bajli berkata : Rasulullah saw bersabda: *“Dan barangsiapa mati di bawah bendera kebutaan (sifat keterlaluan dalam perkauman), atau kerana ingin menolong di atas dasar perkauman (sikap fanatik perkauman) kemudian dia mati, maka matinya seperti mati jahiliyah”.* (Hadis riwayat Muslim dalam bab kewajipan bersama orang Islam ketika berlaku fitnah)

Tetapi cintakan negara itu bermaksud keadilan, kepatuhan dan memelihara keamanan negara dan kesejahteraannya daripada setiap perancangan jahat yang menghancurkannya dan memerangi kerosakan dalam semua bentuknya. Cintakan tanah air adalah dengan menjaga harta awam, menghalang orang yang merosakannya serta memerangi setiap pemikirang yang menyeleweng yang mengikuti cara yang melampaui batas dan dakyah yang sesat.

بل قرنه تعالى في موضع آخر بالدين، والدين أعلى من النفس ومقدم عليها لمن يفقه فقال عز وجل: ﴿لَا يَنْهَاكُمُ اللَّهُ عَنِ الَّذِينَ لَمْ يُقَاتِلُوكُمْ فِي الدِّينِ وَلَمْ يُخْرِجُوكُمْ مِنْ دِيَارِكُمْ أَنْ تَبَرُّوهُمْ وَتُقْسِطُوا إِلَيْهِمْ﴾ سورة الممتحنة : ٨

وجعل النفي والتغريب عقوبة من عصى وأفسد في الأرض، فقال جل شأنه : ﴿إِنَّمَا جَزَاءُ الَّذِينَ يُحَارِبُونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَيَسْعَوْنَ فِي الْأَرْضِ فَسَادًا أَنْ يُقَتَّلُوا أَوْ يُصَلَّبُوا أَوْ تُقَطَّعَ أَيْدِيهِمْ وَأَرْجُلُهُمْ مِنْ خِلَافٍ أَوْ يُنْفَوْا مِنَ الْأَرْضِ ذَلِكَ لَهُمْ خِزْيٌ فِي الدُّنْيَا وَلَهُمْ فِي الْآخِرَةِ عَذَابٌ عَظِيمٌ﴾ (سورة المائدة. الآية: ٣٣)

#### (٢) نبد التناحر والعصبية

وحب الوطن في الإسلام لا يعني العصبية التي تؤدي إلى تقسيم الأمة إلى طوائف متناحرة متباغضة متنافرة، عن جندب بن عبد الله البجلي قال : قال رسول الله ﷺ : "من قتل تحت راية عمية أو ينصر عصبية فقتله جاهلية". (رواه مسلم في باب وجوب ملازمة المسلمين عند الفتن (٣٤٤٠) والنسائي في تحريم الدم (٦٤٠٤))

بل يعني العدل والإنصاف والمحافظة على أمن الوطن وسلامته من كل ما يحيق به من مؤمرات، ومحاربة الفساد بكل أشكاله، وحب الوطن يكون بالحفاظ على المال العام، ومحاربة من يحاول إهداره، ومقاومة كل فكر منحرف منهج متطرف ودعوى مضللة.

## Nasihat kepada generasi muda

Wahai pemuda Mesir, berhati-hatilah daripada dihanyutkan oleh fitnah dan bahangnya. Waspadalah daripada dipengaruhi dakyah golongan yang menghancurkan negara. Hindarkanlah daripada kerosakan yang besar dan pemikiran yang merosakkan yang disajikan kepada jiwa yang menyeleweng yang mana ianya sedang menanti-nanti peluangnya untuk menyerang kita seterusnya membawa pemuda-pemuda kita ke arah menjayakan perancangan jahatnya di bawah slogan yang bergemerlapan dan tema-tema yang pelbagai.

Berfikirang matanglah wahai pemuda daripada menjadikan alat kepada musuh Islam dan musuh negara, begitu juga peliharalah akal kamu agar tidak menyeleweng daripada ajaran agama dan menjadi anasir yang menyalakan api fitnah, menghancurkan negara dan memecah belahkan masyarakat. Ingatlah sabda nabi saw: "Kelak akan ada banyak kekacauan dimana di dalamnya orang yang duduk lebih baik daripada yang berdiri, yang berdiri lebih baik daripada yang berjalan, dan yang berjalan lebih baik daripada yang berusaha (dalam fitnah). Siapa yang menghadapi kekacauan tersebut maka hendaknya dia menghindarinya dan siapa yang mendapati tempat kembali atau tempat berlindung darinya maka hendaknya dia berlindung." Janganlah kamu begitu ghairah di sebalik penyebaran berita-berita angina yang menyesatkan itu dan ambillah peringatan daripada hadis nabi kamu ini : "Tidak akan berlaku Kiamat hingga diangkatnya ilmu, merata kebodohan dan banyaknya kacau bilau"

Berhati-hatilah wahai anak-anak sekalian agar kalian tidak menjadi punca kehancuran umat ini, ingatlah sabda Rasulullah saw : "Akan binasa umatku di tangan pemuda lemah lagi bodoh"

## (٣) نصيحة إلى الشباب

فيا شباب مصر الحذر الحذر من استشراف الفتن واشعالها، إياكم والاستجابة لدعاوى المخربين، وادرعوا المفاسد الكبرى والأفكار المسمومة التي تغذيها نفوس منحرفة تتربص بنا، وتقود شبابنا إلى تنفيذ مخططاتها الخبيثة تحت شعارات براقة ومسميات مختلفة،

أربأ بكم أيها الشباب النقي أن تكونوا أداة لأعداء الإسلام وأعداء الوطن، أربأ بكم أن تستغل عقولكم وتنحرف تعاليم الدين وتصبحوا شرارة إشعال الفتن وتدمير بلادكم و تشريد أهليكم، وتذكروا قوله ﷺ : "ستكون فتن القاعد فيها خير من القائم والقائم خير من الماشي والماشي فيها خير من الساعي من تشرف لها تتشرفه فمن وجد ملجأ، أو معاذا فليعد به"، ولا تناسقوا وراء الشائعات المضللة واتعظوا بقول نبيكم ﷺ : "إن بين يدي الساعة لأيام يرفع فيها العلم، وينزل فيها الجهل، ويكثر الهرج".

وحذار أيها الأبناء أن تكونوا سببا في هلاك الأمة، واحفظوا قول رسول الرحمن ﷺ : "هلاك أمتي على يدي أغيلمة سفهاء".

Nikmatilah pemberian Allah swt yang berikan kepada kalian, keamanan yang dikecapi dan ketahuilah tentang mereka yang ikhlas memajukan negara, sahutlah seruan golongan yang baik dan benar supaya kita dapat mencapai negara yang baik dan aman.

Ya Allah, peliharalah negara kami, muliakanlah agama kami, peliharalah pemuda-pemudi kami, jadikanlah negara kami mewah dan kaya begitu juga negara-negara Islam yang lain.

#### Huraian tajuk:

#### Isi umum:

Mengukuhkan nilai-nilai kepatuhan dan kecintaan kepada tanahair, menambahkan kesedaran dan mengharungi kegetiran yang dihadapi negara

#### Isi tambahan:

1. Cinta tanah air pada pandangan agama.
2. Membuang sikap

فاستشعروا النعمة التي تترفون فيها، والأمن الذي تنعمون به، واعلموا  
مخلصين على النهوض بوطنكم، واستجيبوا لمطالب الصالحين الصادقين، حتى  
ننجوا بوطننا إلى بر الأمان.

اللهم احم بلادنا، وأعز ديننا، واحفظ شبابنا، واجعل بلادنا رخاء ثراء،  
وسائر بلاد المسلمين.

#### تحليل الموضوع

#### الفكرة العامة:

تعزيز قيم الولاء والانتهااء للوطن وتنمية الوعي وتفادي المخاطر التي  
يتعرض لها الوطن.

#### الأفكار الفرعية:

- (١) حب الوطن من منظور ديني.
- (٢) نبذ التناحر والعصبية .

معاني المفردات	
رقيقة : الرقيقة ماء الفم واللعب	خصلة : فضيلة
التناحر : التفاعل والتخاصم	فطرة : خلقة
العصبية : المدافعة عنم يلزمك أمره	تسوية : متعدلة
راية عمية : المراد: الأمر الأعمي لا يستبين وجهه	مقارعة : مصارعة
نصير عصبية : المراد: تماثل شهوة نفسه وغضبه لها	ترسيخ : تثبيت
جبلية : اتجاه يسلم بفطرية الطباع والصفات (فطرية)	يحيق : يحيط
الرقية : العوذة التي يرقى بها المريض، والجمع (رقى)	الهرج : القتل
	أربأ : أنزه